

Cabutan Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat KKMM Bilangan 4 Tahun 2016 – Isu Isu Baharu Daripada Wakil Pekerja MBJ KKMM

Tarikh Mesyuarat : 20 Disember 2016

Bil.	Usul / Cadangan	Maklumbalas
5.1.1	Program Siap Siaga KKMM	
	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada bulan Oktober 2016 yang lepas, telah berlaku satu kebakaran di Hospital Sultanah Aminah yang telah mengorbankan seramai enam (6) orang pesakit. Mengambil iktibar daripada insiden tersebut, Wakil Pekerja mencadangkan agar diadakan Program Siap Siaga KKMM. Objektif program ini adalah sebagai persiapan warga KKMM menghadapi bencana bangunan aras tinggi contohnya <i>fire drill</i></p>	
5.1.2	Isu Harga Barangan di Kedai Serbaneka KKMM	
	<p>Wakil Pihak Pekerja telah menyuarakan keluhan segelintir warga KKMM terhadap harga barangan di kedai runcit KKMM. SUB(KP) memaklumkan bahawa harga barangan adalah berpatutan dan sesuai dengan kadar sewa kedai runcit iaitu RM 2,000 sebulan.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju agar Wakil Pihak Pekerja membuat beberapa perbandingan harga untuk dijadikan rujukan dalam pembuatan keputusan serta dibentangkan dalam mesyuarat akan datang.</p>
5.1.3	Cadangan Mewujudkan Laluan Pejalan Kaki di Anjung KKMM	
	<p>Pihak Pekerja turut mencadangkan agar diadakan kawalan had laju kenderaan di laluan anjung KKMM. Ini kerana telah nyaris-nyaris berlaku beberapa insiden kemalangan di kawasan ini.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan agar diletakkan laluan melintas (<i>crossing</i>) di hadapan kompleks KKMM untuk laluan pejalan kaki agar kenderaan memandu dengan lebih berhati-hati</p>